

06 JUL 1996

Mahathir-Atlanta

BERUSAHA DEMI KECEMERLANGAN, NASIHAT PM KEPADA SKUAD OLIMPIK NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Disiplin, dedikasi dan jangan cepat putus asa -- kata-kata amanat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kontingen Malaysia ke Sukan Olimpik 100 tahun di Atlanta, Amerika Syarikat (AS) bulan ini.

Perdana Menteri berkata, tanpa ketiga-tiga kriteria ini, misi mereka untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan bagi diri mereka dan negara pasti gagal.

"Jika kita mempunyai disiplin dan dedikasi dan tidak putus asa dengan mudah, kita boleh capai matlamat kita...Saya mahu mengingatkan pasukan negara supaya sentiasa berdisiplin," kata beliau semasa menyampaikan amanat kepada atlit-atlit negara ke Atlanta di Hotel Pan Pacific di sini, hari ini.

Kontingen Malaysia yang terdiri daripada 36 atlit dan 28 pegawai akan mengambil bahagian dalam lapan acara iaitu - olahraga, badminton, tinju, kenu, hoki, renang, menembak dan perahu layar. Mereka akan bertolak ke Atlanta pada 13 Julai.

"Anda berada di sana (di Atlanta) kerana anda mahu menang dan menjaga nama baik Malaysia dan bukan untuk berseronok atau melawat Atlanta," kata beliau.

Dr Mahathir menekankan yang banyak wang telah dibelanjakan untuk memastikan pasukan itu akan mengharumkan nama negara dan oleh itu mereka mesti sentiasa menunjukkan tanggungjawab dan komitmen.

Perdana Menteri berkata, pasukan negara perlu ikut peraturan semasa latihan dan jangan biarkan emosi mengatasi diri mereka.

"Kita mesti ada disiplin yang cukup supaya kita tak memberontak kerana masalah peribadi," kata beliau.

Beliau menekankan perlunya atlit-atlit mengikut jadual latihan bagi memastikan mereka bersiap sedia untuk menghadapi pencabar-pencabar.

Dr Mahathir juga berkata mereka tidak harus kecewa jika gagal menang sebarang pingat ataupun tidak menunjukkan prestasi seperti dijangkakan. "Berjuang sehingga akhir...selagi pertandingan itu belum tamat lagi, anda tidak tewas dan sentiasa ingat itu," kata beliau.

Beliau berkata: "Kita cuba membina sebuah negara yang akan dihormati dunia dan oleh itu kita mesti membuktikan yang Malaysia mempunyai keupayaan untuk menyerlah dalam sukan seperti juga dalam politik, hal ehwal sosial dan lain-lain lagi."

Perdana Menteri kemudiannya menyampaikan bendera negara kepada ketua kontingen Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan. -- BERNAMA

ES PR